



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

PELAKSANAAN OPSYEN PINJAMAN BOLEH UBAH BERASASKAN MERIT AKADEMIK BAGI PELAJAR TAJAAN LATIHAN SEBELUM PERKHIDMATAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PUTRAJAYA, 1 JANUARI 2026 - Kerajaan telah memperkenalkan model penajaan baharu bagi pelajar tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) iaitu **Pinjaman Boleh Ubah Berasaskan Merit Akademik (PBU Akademik)** berkuat kuasa mulai 1 Jun 2025. Model baharu ini telah memanfaatkan lebih **11,000 pelajar** di peringkat Ijazah Pertama dan Ijazah Lanjutan.

PELAKSANAAN OPSYEN SECARA BERPERINGKAT

Selaras dengan keputusan Kerajaan, pelajar tajaan **Pinjaman Boleh Ubah Berasaskan Merit Tempat Berkhidmat (PBU 2016)** kini berpeluang menukar kepada model PBU Akademik melalui pelaksanaan opsyen secara berfasa seperti berikut:

- i. **Fasa Pertama (5 Januari – 5 Februari 2026):**
Melibatkan pelajar tajaan JPA yang tamat tajaan **pada atau selepas 1 Januari 2025**; dan
- ii. **Fasa Kedua (1 Julai - 31 Ogos 2026):**
Melibatkan pelajar tajaan JPA yang tamat tajaan **pada atau sebelum 31 Disember 2024**.

Pelaksanaan opsyen ini akan dibuat melalui Portal Malaysian Student Engagement Online Feed (MySELF). Pelajar tajaan JPA diminta memastikan akaun MySELF masing-masing aktif serta mengemaskini maklumat perhubungan seperti alamat, emel peribadi dan nombor telefon bagi memastikan proses penawaran opsyen berjalan lancar.

PELANJUTAN PENANGGUHAN BAYARAN BALIK

Kerajaan juga bersetuju melanjutkan tempoh penangguhan bayaran balik pinjaman pelajar PBU 2016 sehingga **30 Jun 2026** kepada pelajar yang tidak mempunyai tunggakan bayaran balik. Pelajar yang masih mempunyai tunggakan dinasihatkan segera menjelaskan tunggakan tersebut selewat-lewatnya pada **31 Mei 2026**.

MAKLUMAT LANJUT

Sebarang pertanyaan boleh dirujuk melalui:

- Portal Penajaan JPA : <https://penajaan.jpa.gov.my>
- Emel: pbuakademik@jpa.gov.my
- MYGCC: 03-8000 8000

#####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 1 Januari 2026
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan: JPA.100-9/1/2 Jld.3 (34)